

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Hari ini boleh dikira sebagai hari yang amat bermakna kerana ada dua perkara utama. Kedua-duanya tidak sama, tetapi sangat penting untuk kita hayati sekali gus menyuntik motivasi buat diri kita.

Mengikut takwim Hijrah, hari ini diingati dengan peristiwa Israk dan Mikraj manakala berdasarkan kalendar Masihi, Hari Guru pula disambut.

Kali ini secara kebetulan pula kedua-duanya jatuh pada hari yang sama. Namun, sekiranya kita tidak ambil peduli ia tidak memberi erti.

Israk dan Mikraj

Israk bererti Allah memperjalankan Nabi Muhammad SAW pada waktu malam dari Masjidilharam di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Palestin.

Mikraj bererti perjalanan Nabi Muhammad SAW dari bumi (Masjid al-Aqsa) naik ke langit (Sidratul Muntaha) untuk menghadap Allah.

Peristiwa Israk dan Mikraj adalah peristiwa benar yang luar biasa di alam sendiri Rasulullah SAW dengan roh dan jasad pada waktu singkat.

Firman Allah bermaksud: "Maha Suci Allah yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam ke Masjid al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepada-Nya tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Isra, ayat 1)

Peristiwa agung itu bukan sekadar untuk diingati, tetapi dihayati pengajaran terkandung di dalamnya, sekali gus mendorong kita untuk terus melakukan perkara baik dan menjauhi perkara buruk.

Banyak pengajaran yang dapat diambil dan dijadikan panduan daripada peristiwa Israk dan Mikraj,

Dua detik istimewa untuk dihayati

■ Peristiwa Israk Mikraj, Hari Guru hari ini suntik motivasi



KERJAYA guru yang mendidik anak bangsa sewajarnya dihargai sepanjang masa. - Gambar hiasan

FAKTA

Guru menjalankan sebahagian besar tugas ibu bapa dalam mendidik anak menjadi insan berilmu

antaranya tanda kekuasaan dan kebesaran Allah, sekali gus meningkatkan keimanan kepada-Nya.

Hari Guru

Bukanlah pada hari lain kita tidak mengingati jasa guru, namun mungkin hari ini boleh dijadikan titik tolak untuk kita sentiasa menghargai jasa mereka.

Apabila disebut Hari Guru, perkara lebih utama ialah bersama-sama mereka dalam usaha mendidik anak di mana saja institusi pendidikan sama ada di tadika, sekolah, kolej atau universiti.

Pada kesempatan ini, dikongsi-kongsi beberapa perkara yang boleh kita fikirkan bersama dan berusaha melaksanakannya atas semangat menghargai jasa guru.

● **Kebersamaan dalam usaha**

mendidik anak

Guru sudah menjalankan sebahagian besar tugas ibu bapa dalam mendidik anak menjadi insan berilmu. Kesenambungan proses mendidik perlu diteruskan di rumah dan tidak hanya terhenti di sekolah.

Usah menyerahkan segalanya kepada guru dan lepas tangan dalam menjalankan tanggungjawab mendidik ini.

● Memahami tugas dan tanggungjawab guru

Penghargaan terhadap guru bukan saja berlaku apabila datangnya Hari Guru sebaliknya ia perlu dilakukan pada setiap masa.

Semua pihak perlu memahami tugas dan tanggungjawab guru yang hakikatnya insan biasa mempunyai kelebihan dan kelemahan.

Jika hal ini dapat difahami dengan baik, tidak timbul isu yang boleh menjejaskan hubungan ibu bapa dan guru. Apa-apa saja perkara berbangkit yang timbul perlu ada komunikasi baik antara kedua-dua pihak.

● Iktiraf keilmuan pendidik

Hakikatnya tidak semua orang ada kelebihan untuk mendidik. Malah, ada dalam kalangan kita yang tidak sanggup menjadi pendidik kerana bebanan tanggungjawab besar yang mesti dipikul.

Apabila semua pihak mengiktiraf profesion keguruan yang sememangnya tinggi di sisi Islam, pelbagai perkara positif boleh dilaksanakan untuk kebaikan anak.

● Menjaga hubungan baik dengan guru

Sebagai pelajar, hubungan baik dengan guru perlu dipelihara. Ingatlah di sisi guru itu ada keberkatan yang boleh membahagiakan kita selaku muridnya. Sentiasa dampingi mereka untuk lebih memahami pelajaran dan tidak sekali-kali mengata mereka.

Penulis pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin